

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
KAJIAN SEMULA TAKRIF SERTA MENENTUKAN TARAF PENDAPATAN FAKIR
MISKIN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 1418H**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah dikemukakan dengan kertas cadangan untuk mengkaji semula takrif serta menentukan taraf pendapatan fakir miskin Negeri Selangor. Pihak Jawatankuasa diminta memberi pandangan dan memberi kelulusan untuk mengkaji semula takrif serta taraf pendapatan fakir miskin di Negeri Selangor bagi tahun 1418 H ini sebelum memansuhkan takrifan yang telah dibuat di dalam buku Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor yang telah diwartakan pada 29hb Ogos 1994.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Buku Fatwa Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor telah disediakan dalam bentuk bahan bercetak oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor pada 13 Jun 1994 untuk dijadikan panduan kepada Bahagian Baitulmal/Zakat dalam merealisasikan agihan-agihan zakat kepada mereka yang berhak. Buku panduan tersebut telah diwartakan pada 29 Ogos 1994. (Rujul Sel. P. V. 130) Lampiran 1 adalah berkaitan.

2.2 Melalui Buku Fatwa Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor yang diwujudkan, agihan-agihan zakat telah dapat dikembangkan mengikut kumpulan sasar dan dapat diagihkan secara sistematik dan berkesan.

2.3 Untuk memastikan Fatwa Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor sesuai dengan keadaan semasa, kajian serta perbincangan di adakan dari semasa ke semasa. Untuk itu, satu perbincangan mengenai takrif fakir miskin serta agihan telah dibincangkan dalam mesyuarat Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor pada 5 hingga 7 Disember 1995 di Hotel Ming Court Port Dickson.

2.4 Berdasarkan keadaan semasa dan penyelarasan dengan badan-badan kerajaan dan NGO yang mempunyai matlamat yang sama dengan Baitulmal/Zakat Selangor, seperti Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), pihak Baitulmal/Zakat merasakan kajian semula perlu dilakukan terhadap keputusan yang dicapai di Port Dickson agar dapat diaplikasikan sebaik mungkin.

3. ASAS PERTIMBANGAN

3.1 Projek Pembangunan Rakyat Termiskin Negeri Selangor (PPRT) mengkategorikan pendapatan keluarga di bawah RM 205.00 sebulan termasuk dalam golongan rakyat termiskin Negeri Selangor. Oleh sebab itu, Daerah Sepang dan Petaling diisytiharkan tiada lagi golongan termiskin menjelang tahun 1998. Manakala bagi daerah-daerah lain golongan yang dikategorikan ke dalam PPRT tidak sampai angka 100 orang kecuali Daerah Sabak Bernam jumlahnya 802 orang.

3.2 Yayasan Basmi Kemiskinan dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga menentukan kadar pendapatan keluarga tergolong dalam keluarga termiskin sama dengan kadar PPRT iaitu di bawah RM 205.00 sebulan. Dapat dilihat kesemua agensi Pembasmi Kemiskinan & Pembangunan Luar Bandar mempunyai anggaran pendapatan kadar kemiskinan yang selaras, berbeza dengan apa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor.

3.3 Fatwa Selangor (diwartakan 29hb Ogos 1994) menentukan pendapatan fakir dan miskin seperti berikut:

Dalam bandar	Luar bandar
Fakir: pendapatan < RM 200.00 sebulan @ RM 33.00 sekepala	Fakir : pendapatan < RM 180.00 sebulan @ RM 30.00 sekepala

Miskin : pendapatan Rm 201-RM 336 sebulan @ RM 56.00 sekepala	Miskin : pendapatan RM 180-RM 296 sebulan @ RM 49.00 sekepala
---	---

3.4 Mengikut penilaian semula yang dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam buku Fatwa Agihan Zakat yang terbaru, anggaran pendapatan mereka yang masuk dalam asnaf fakir dan miskin telah dinaikkan lebih sekali ganda iaitu:

- a) Fakir: Pendapatan < RM 390.00 sebulan atau RM 65.00 sekepala
- b) Miskin: Pendapatan RM 391.00 sehingga RM 624.00 sebulan atau RM 104.00 sekepala.

4. **SYOR**

Adalah disyorkan fakir di Negeri Selangor ditetapkan seperti kadar berikut:

Pendapatan

- 4.1 Fakir dalam bandar <RM 200.00 atau RM 33.00 sekepala.
Fakir luar bandar <RM 180.00 atau RM 30.00 sekepala
- 4.2 Miskin dalam bandar <RM 201.00 atau RM 56.00 sekepala
Miskin luar bandar <RM 181.00-RM296.00 atau RM 49.00 sekepala

5. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang bersidang kali 3/98 memutuskan dengan sebulat suara agar kajian semula dibuat ke atas kertas kerja yang dibentangkan. Penyelidikan yang akan dibuat sebaik-baiknya dilakukan oleh mereka yang terlatih di dalam bidang penyelidikan agar hasil kajian yang diperolehi lebih tepat dan menyeluruh.